

**Tribunal Rakyat akan keluaran laporan tiga bulan akan datang  
Malaysian Insider  
Sept 23 , 2013  
OLEH MOHD FARHAN DARWIS**

Panelis Tribunal Rakyat yang dianjurkan Gabungan Menuntut Pilihan Raya Adil dan Bersih (Bersih 2.0) akan mengeluarkan laporan dan cadangan tiga bulan selepas Jumaat.

Perkara itu diumumkan Pengerusi tribunal berkenaan, Yash Pal Ghai selepas saksi terakhir, Datuk Ambiga Sreenevasan memberikan keterangannya lewat petang semalam.

Tribunal berkenaan bermula 18 September lalu menampilkan beberapa panel dari dalam dan luar negara, antaranya bekas Timbalan Pengerusi Komite Pemilihan Umum Indonesia, Ramlan Surbakti, dan Presiden Kaukus Antara Parlimen Asean Myanmar, Kraisak Choonhavan

Wakil Malaysia dalam Tribunal itu adalah bekas pegawai diplomatik dan pentadbiran Kementerian Luar Malaysia, Datuk Azzat Kamaludin; bekas pensyarah di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya, Dr Mavis Puthuchearry; dan Rev Dr Hermen Shastri, Setiausaha Agung Majlis Gereja Malaysia.

Suruhanjaya Pilihan Raya dan Setiausaha Agung Datuk Seri Tengku Umno Adnan Tengku Mansor bagaimanapun tidak menyertai tribunal bagi menyiasat salah laku ketika pilihan raya pada 5 Mei lalu walaupun jemputan telah dihantar kepada mereka.

Tribunal berkenaan turut berlangsung dengan jayanya di Empire Hotel, Subang Jaya.

Ambiga, dalam rumusan selepas memberikan testimoninya kepada tribunal semalam, beranggapan langkah badan bukan kerajaan itu mengadakan tribunal berkenaan akan dapat mencari kebenaran salah laku dalam pilihan raya dan bukan memecah belahkan rakyat.

"Tribunal ini mencari kebenaran dan keadilan, ia tidak menghancurkan negara. Sebaliknya ini menguatkan negara kita.

"Korupsi dan rasuah yang akan menghancurkan negara," katanya di hadapan panel.

Lokasi pembentangan keputusan tribunal berkenaan bagaimanapun belum disahkan lagi dan akan dimaklumkan kemudian. – 23 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tribunal-rakyat-akan-keluar-laporan-tiga-bulan-akan-datang>

